

# Maxis serah sumbangan RM60,000 untuk NKF

**Kuala Lumpur:** Prihatin akan nasib pesakit buah pinggang di negara ini, syarikat telekomunikasi terkemuka, Maxis menunaikan tanggungjawab sosial korporat (CSR) dengan menyumbang RM60,000 kepada Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan Malaysia (NKF).

Sumbangan hasil kutipan daripada penyertaan 160 kakitangan Maxis yang mengambil bahagian pada Jogathon Amal Maxis di Taman Tasik Perdana, di sini baru-baru ini.

Sumbangan diserahkan oleh Ketua Sumber Manusia dan Organisasi Maxis, Adzhar Ibrahim kepada Ketua Pegawai Eksekutif NKF, Chua Hong Wee.

## **Kutipan melebihi sasaran**

Adzhar berkata, hidup di Maxis agak luar biasa, pihaknya mempunyai kakitangan yang sedia menyumbangkan masa dalam aktiviti kebajikan. Mereka begitu bersemangat membantu mereka yang memerlukan.

“Kami berbangga kerana kutipan melebihi sasaran RM40,000. Diharapkan sumbangan ini membantu NKF yang seterusnya mewujudkan kesedaran mengenai penjagaan kesihatan buah pinggang,” katanya.

Jogathon Amal terbuka kepada semua kakitangan Maxis dan penyertaan dibahagikan kepada tiga kategori jarak iaitu RM50 untuk lima kilometer (km), RM100 (10km) dan RM150 bagi 15km. Pelbagai aktiviti riadah disediakan antaranya tarian zumba.



**Kami berbangga kerana kutipan melebihi sasaran RM40,000”**

**Adzhar Ibrahim,**  
*Ketua Sumber Manusia dan Organisasi Maxis*

Sementara itu, Chua berkata ketika ini terdapat seramai 40,000 pesakit buah pinggang di Malaysia dan jumlahnya meningkat 20 peratus setiap tahun.

“Matlamat NKF mendidik masyarakat mengenai kegagalan buah pinggang dan memberi nasihat mengenai apa yang perlu dilakukan selepas pemeriksaan kesihatan.

“Ditambah pula kos dialisis tinggi, sudah pasti membebankan pesakit. Justeru, kami bergantung kepada sumbangan Maxis ini,” katanya.